

PM: ISA undang-undang utama selamatkan negara daripada huru-hara

21 SEP 2002

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) telah menjadi undang-undang utama yang menyelamatkan negara ini daripada huru-hara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Menurut beliau, hari ini dunia liberal Barat mengakui akan pentingnya undang-undang pencegahan dalam memelihara keselamatan.

“Kerajaan telah dapat menyelamatkan negara kita daripada huru-hara melalui ‘rule of law’ atau pemerintahan mengikut undang-undang yang kerajaan amalkan di negara ini dan ISA menjadi penyelamat utama,” katanya.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika membentangkan Bajet 2003 di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata, jika tiada pencegahan awal, umat Islam fanatik di negara ini, yang memilih keganasan termasuk meletupkan bom dan merancang untuk menggulingkan kerajaan, mungkin menyebabkan negara menjadi tidak stabil dan huru-hara

hingga mengakibatkan kemerosotan ekonomi.

Dr. Mahathir menegaskan, pemerintahan mengikut undang-undang adalah amat penting dan ia tidak harus terhad kepada kerajaan sahaja, tetapi juga cabang-cabang lain dalam pemerintahan seperti perkhidmatan Awam, Kehakiman, Polis dan Tentera.

“Mereka mestilah profesional dan patuh kepada undang-undang yang dilulus secara sah oleh dewan-dewan wakil rakyat. Jika mana-mana pihak membelakangkan prinsip *the rule of law*, dan tidak menghormati separation of power maka akan runtuhlah demokrasi dan berlakulah anarki.

“Dalam keadaan anarki, tidak mungkin ekonomi negara dimajukan. Kita akan menjadi seperti negara Islam dan bukan Islam yang lain, yang selalunya lemah, ditindas dan dipermainkan oleh kuasa asing,” katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan berjaya melakukan pemulihan dan pembangunan negara melalui dasar dan strategi yang berkesan namun ia akan menjadi sia-sia sekiranya kestabilan dalam negara tergu-

gat oleh tindakan dan perilaku yang tidak bertanggungjawab oleh sesetengah pihak yang tidak pernah bersyukur dan suka mencetus perasaan benci terhadap kerajaan tanpa sebab.

“Mereka ini suka melempar fitnah dan sengaja menyalahafsirkan segala-gala untuk mengelirukan rakyat Malaysia,” katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, untuk menghalalkan kegunaan, penipuan dan sikap tidak bermoral oleh mereka, maka mereka mendakwa bahawa Allah s.w.t adalah lebih samseng, lebih jahat dan lebih penipu daripada semua manusia.

“Jadi bagi mereka, lagak sebagai samseng, penjahat dan penipu patut diterima kerana ini adalah sebahagian dari sifat-sifat yang ada pada tuhan. Dengan ini, kepercayaan orang Islam sudah diselewengkan dan mereka sanggup bertindak ganas dan melempar fitnah,” katanya.

Perdana Menteri berkata, sebagai sebuah negara Islam yang mengamalkan ajaran Islam sebenar, terutama Islamic Fundamentals, adalah menjadi kewajipan kerajaan untuk memelihara ke-sucian Islam.

“Untuk ini, kerajaan akan meneruskan pelaksanaan program kefahaman Islam sebenar untuk seluruh lapisan masyarakat, merangkulmi pelajar sekolah, penuntut institusi pengajian tinggi serta kakitangan awam dan swasta,” katanya.

Bagi tujuan itu, kata Dr. Mahathir kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM203.1 juta di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi melaksanakan antara lain, program latihan dan pendidikan Islam, dakwah, pembangunan sosial, penyelidikan dan penyebaran maklumat serta penguatkuasaan undang-undang.

“Kerajaan juga akan menyediakan peruntukan sebanyak RM113.9 juta bagi melaksanakan beberapa projek pembangunan, termasuk pembinaan masjid, kompleks latihan, pembinaan sekolah agama serta pembangunan sistem maklumat.

“Bagaimanapun, tidak mungkin semua yang dituntut atas nama Islam dapat dilayan serentak. Agama Islam mengajar kita bersabar,” katanya.